



## **SYARAT-SYARAT LESEN KEDAI SALUN / GUNTING RAMBUT**

### **1. PREMIS**

- 1.1 Bangunan kedai hendaklah disapu cat luar dan dalam dan hendaklah disenggara dan berada didalam keadaan yang sungguh bersih dan baik.
- 1.2 Tidak ada sekatan dibuat dalam premis.
- 1.3 Dinding cermin dihadapan luar hendaklah telus.
- 1.4 Meletakkan papan notis "Larangan Merokok" dan "Dilarang Makan & Minum".
- 1.5 Menyediakan tong sampah yang mencukupi, sempurna dan sesuai.
- 1.6 Menyediakan alat pemadam api secukupnya yang dikehendaki oleh Jabatan Bomba.
- 1.7 Lesen hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat.

### **2. PENCAHAYAAN DAN PENGUDARAAN**

- 2.1 Premis hendaklah dipasang dengan lampu yang terang dan ruang pengudaraan yang mencukupi.

### **3. PAPAN TANDA IKLAN**

- 3.1 Gambar/Poster-Poster lucah dan mengghairahkan tidak dibenarkan ditampal didinding premis.
- 3.2 Papan iklan rokok, minuman keras dan yang tidak berkaitan tidak dibenarkan dipasang.
- 3.3 Papan tanda Kedai Gunting Rambut dan Pemandan Rambut hendaklah dipaparkan selepas kelulusan diberikan.

### 4. KEMUDAHAN/PERALATAN YANG DIGUNAKAN

- 4.1 Bekalan air panas dan sejuk yang cukup hendaklah diadakan terus menerus semasa dibuka untuk urusan.
- 4.2 Pisau cukur hendaklah digunakan secara sekali pakai dan buang dan tidak dikitarkan.
- 4.3 Tuala muka, pelindung leher, tuala leher dan fabrik-fabrik lain yang secara langsung menyentuh kulit seseorang pelanggan diuntukkan bagi pelanggan itu hendaklah baru dan bersih.
- 4.4 Tuala muka hendaklah direndam dalam air mendidih atau diwap selama sekurang-kurangnya 5 minit dan kemudian dibasuh sebelum digunakan pada tiap-tiap pelanggan.
- 4.5 Mengadakan sekurang-kurangnya dua bekas yang sesuai yang bertudung untuk memasukkan tuala kotor dan kain-kain kotor selepas sahaja digunakan dan ke dalam yang satu lagi hendaklah dimasukkan semua keratan rambut dan lain-lain buangan tred dengan seberapa segera yang praktik selepas melayan seorang pelanggan.
- 4.6 Apa-apa sabun selain daripada sabun cecair atau krim cukuran atau serbuk cukuran tidak boleh digunakan bagi maksud membuat buih bagi mana-mana pelanggan yang menghendaki cukuran.
- 4.7 Cawan yang digunakan untuk mengisi air bagi membuat buih untuk cukuran hendaklah dikosongkan selepas sahaja digunakan bagi tiap-tiap pelanggan dan dicuci sepenuhnya dengan air mendidih.
- 4.8 Span atau puff bedak tidak boleh digunakan keatas pelanggan.
- 4.9 Pendarahan hendaklah diberhentikan hanya dengan suatu stiptik yang sesuai yang hendaklah digunakan keatas seorang pelanggan sahaja dan hendaklah selepas sahaja digunakan dimasukkan dalam bekas yang disediakan untuk buangan tred.

### 5. MEMBASMIKAN KUMAN DARI ALAT-ALAT

- 5.1 Kelengkapan bagi kegunaan am dibawah ini dibasmikan kuman mengikut cara yang ditetapkan / dengan cara pembasmian kuman melalui diangan lampu ungu yang diluluskan oleh Majlis Daerah Kuala Langat :-
  - Pisau cukur, gunting dan sikat
  - Perepang (clipper)
  - Berus rambut
  - Berus cukur

### 6. KEBERSIHAN PENDANDAN RAMBUT

- 6.1 Sebelum melayan seseorang pelanggan, tiap-tiap pendandan rambut hendaklah mencuci tangan dengan menggunakan sabun dan air bersih dan bila perlu menggunakan berus kuku.
- 6.2 Pendandan rambut hendaklah memakai kot / "overall" yang bersih dan padan berwarna putih / warna lembut diperbuat daripada kain yang boleh dibasuh.
- 6.3 Pendandan rambut hendaklah menjalani pemeriksaan doktor setahun sekali.
- 6.4 Pendandan rambut yang mengidap apa-apa penyakit berjangkit atau menular atau apa-apa ruam atau letusan kulit berjangkit atau menular tidak boleh melayan mana-mana pelanggan.

### 7. LARANGAN

- 7.1 **DILARANG** makan / minum didalam kedai gunting rambut.
- 7.2 **DILARANG** membawa makanan / minuman didalam kedai gunting rambut.
- 7.3 **DILARANG** membawa / memelihara binatang dalam kedai gunting rambut.
- 7.4 **DILARANG** meludah ke lantai atau dinding kedai gunting rambut.
- 7.5 **DILARANG** meletak apa-apa barang perniagaan di kaki lima kedai, lorong belakang dan tepi jalan.
- 7.6 **DILARANG** sebarang sekatan di dalam kedai gunting.

### PERINGATAN

**\*\*Segala arahan daripada Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis ini yang diberi kuasa hendaklah dipatuhi dari semasa ke semasa.**

Disediakan Oleh :

Jabatan Pelesenan dan Kesihatan Persekitaran  
Majlis Daerah Kuala Langat